



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

1 OKTOBER 2025 (RABU)

Pembasmian Rabies Perlu Kerjasama Padu Kerajaan, Swasta dan Veterinar

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
TVS	News	Online	30 Sept



Datuk Amar Dr Sim Kui Hian pada Majlis Perasmian Persidangan Rabies di Borneo 2025 di Kuching, hari ini. Foto TVS

KUCHING, 30 Sept: Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg menegaskan usaha pembasmian rabies tidak akan berjaya tanpa kerjasama erat pelbagai pihak, termasuk agensi kerajaan, syarikat swasta dan pengamal veterinar.

Menurut beliau, penglibatan aktif syarikat farmaseutikal serta peranan pengamal veterinar amat penting dalam memperkukuh strategi pencegahan dan kawalan penyakit berkenaan.

“Pada masa sama, kita mesti mengukuhkan kerjasama rentas sempadan kerana rabies tidak mengenal sempadan antarabangsa,” katanya dalam teks ucapan yang dibacakan oleh Timbalan Premier, Datuk Amar Dr Sim Kui Hian pada Persidangan Rabies di Borneo (RIB) 2025 di sini, hari ini.

Abang Johari menambah, inisiatif seperti persidangan tersebut merupakan langkah strategik bagi menyatukan usaha kerajaan, komuniti saintifik, badan kesihatan

dan masyarakat global untuk mencapai matlamat dunia bebas rabies.

Persidangan Rabies di Borneo edisi keempat kali ini mengangkat tema “Borneo Bebas Rabies: Menyatukan Manusia, Haiwan dan Komuniti” dengan penyertaan 21 pakar dari 12 negara yang berkongsi pengalaman dan pengetahuan melalui sesi pleno serta forum panel.

Persidangan berkenaan dianjurkan oleh Place Borneo Sdn Bhd dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak dengan sokongan Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak, Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak serta Business Events Sarawak. – [TVS](#)

[VIDEO] Pemandu Lori Mengaku Salah Bawa Ratusan Kambing, Biri-Biri Tanpa Kebenaran

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Semasa	Online	30 Sept



Tangkap layar dari Sinar Harian

GERIK - Seorang pemandu lori mengaku bersalah di Mahkamah Majistret Gerik pada Selasa atas dua pertuduhan memindahkan 322 ekor kambing dan biri-biri tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Perak sejak Mac lalu.

Tertuduh, Muhammad Aizal Afizi Ishak, 28, membuat pengakuan itu selepas kedua-dua pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Majistret Muhammad Firdaus Nor Azlan.

bawah peraturan ditetapkan.

Kesalahan itu dilakukan di Kilometer 44 Jalan Gerik-Lenggong berhampiran Bukit Sumpitan, dalam daerah Hulu Perak kira-kira jam 2.15 pagi pada 26 Mac 2025.

Bagi pertuduhan kedua, dia didakwa melakukan kesalahan sama dengan memindahkan 160 ekor kambing menggunakan kenderaan sama di hadapan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gerik, kira-kira jam 12.05 tengah malam pada 10 April 2025.



Muhammad Aizal mengaku bersalah atas dua pertuduhan memindahkan 322 ekor kambing dan biri-biri tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Perak sejak Mac lalu.

Mengikut pertuduhan pertama, Muhammad Aizal didakwa memindahkan 139 ekor kambing dan 23 ekor bebiri menggunakan lori tanpa kebenaran bertulis yang sah sepertimana di

Kedua-dua pertuduhan dibuat mengikut Perenggan 3(a) Perintah Menteri Besar bagi Perintah Kawasan Kawalan Penyakit Kuku dan Mulut bagi negeri Perak 2008 yang dibaca bersama

Subseksyen 36(1) Akta Binatang 1953 (Akta 647) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 36(7) Akta Binatang (pindaan) 2013 (Akta A1452).

Jika disabitkan kesalahan, tertuduh boleh dikenakan denda sehingga RM15,000 bagi setiap pertuduhan.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar Perak, Roziman Awang Tahrin manakala tertuduh diwakili peguam Muhammad Zaem Ab Aziz.

Mahkamah menetapkan 8 Disember depan untuk sebutan fakta kes dan jatuh hukum.-[SINARHARIAN](#)

Pemandu Lori Mengaku Salah Pindah Ternakan Tanpa Kebenaran

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Nasional	Online	30 Sept



MUHAMMAD Aizal Afizi Ishak (tengah) mengaku bersalah di Mahkamah Majistret Gerik hari ini atas dua pertuduhan memindahkan 322 ekor haiwan ternakan tanpa kebenaran Pengarah JPV Perak pada Mac dan April lalu. - UTUSAN

GERIK: Seorang pemandu lori mengaku bersalah di Mahkamah Majistret di sini hari ini atas dua pertuduhan memindahkan 322 ekor haiwan ternakan tanpa kebenaran Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Perak pada Mac dan April lalu.

Orang Kena Saman (OKS), Muhammad Aizal Afizi Ishak, 28, membuat pengakuan itu selepas dua pertuduhan berkenaan dibacakan di hadapan Majistret Muhammad Firdaus Nor

Azlan.

Mengikut pertuduhan pertama, lelaki terbabit didakwa telah memindahkan 139 ekor kambing dan 23 ekor biri-biri dengan menggunakan lori jenis Isuzu tanpa kebenaran bertulis yang sah daripada Pengarah DVS Perak atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya.

Lelaki terbabit didakwa melakukan perbuatan itu di Kilometer 44, Jalan Gerik Lenggong, Bukit Sumpitan,

Lenggong dalam daerah Hulu Perak pada pukul 2.15 pagi, 26 Mac 2025.

Muhammad Aizal Afizi juga didakwa bagi kesalahan sama iaitu memindahkan 160 ekor kambing menggunakan kenderaan sama di Jalan Gerik-Lenggong berhadapan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gerik pada pukul 12.05 tengah malam, 10 April 2025.

Bagi kedua-dua kesalahan itu, tertuduh didakwa di bawah Perenggan 3(a) Perintah Menteri Besar bagi Perintah Kawasan Kawalan Penyakit Kuku dan Mulut bagi negeri Perak 2008 yang dibaca bersama Subseksyen 36(1) Akta Binatang 1953 (Akta 647) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 36(7) Akta Binatang (pindaan) 2013 (Akta A1452).

Sabit kesalahan, tertuduh boleh dikenakan hukuman denda maksimum RM15,000.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Jabatan Veterinar Perak, Roziman Awang Tahrin manakala OKS diwakili Muhammad Zaem Ab Aziz.

Mahkamah kemudian menetapkan 8 Disember depan untuk serahan fakta kes dan tarikh jatuh hukum. –

UTUSAN

Mavma Highlights Dire Vet Shortage, SST Impacting Vet Clinics and Livestock Industry

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Code Blue	Malaysia	Online	30 Sept



The Malaysian Veterinary Medical Association (Mavma) held its annual conference and annual general meeting (AGM) from September 27-28, 2025, in Kuala Lumpur. Photo from Jabatan Perkhidmatan Veterinar's Facebook page.

KUALA LUMPUR, Sept 30 — Malaysia faces a critical shortage of veterinary professionals, as the ratio of approximately 2,500 active practitioners serving a 33-million population falls significantly below international standards.

At its annual conference and annual general meeting (AGM) held over the weekend here, the Malaysian Veterinary Medical Association (Mavma) also raised the impact of the sales and service tax (SST) on

veterinary clinics and the livestock industry, as a matter of food security and safety.

“We urge the government to consider broader exemptions for feed ingredients beyond soybean to alleviate burdens on producers, mitigate inflationary pressures on food prices, and safeguard national interests,” said Mavma in a statement.

The Finance Ministry said in a recent statement that animal feed, including raw soybeans,

has been exempted from the SST, adding that other raw materials used in the formulation of animal feed are under review.

The 2025 Mavma conference also highlighted societal issues impacting the veterinary community, including advancements in animal welfare, promoting mental health awareness among practitioners, and tackling the challenges of cyberbullying.

“A key highlight of the AGM was the election and announcement of the new Mavma leadership team, who will serve for the 2025-2027 term. This dynamic team is poised to lead Mavma in its mission to advance veterinary science, promote animal welfare, and support its members.”

Newly elected Mavma president Dr Chee Liung Wun said Mavma, as the representative voice for all veterinarians in Malaysia, was committed to building on its significant progress.

“Our new leadership will prioritise supporting all veterinarians across generations, while vigorously tackling the critical workforce shortage, advancing animal welfare, promoting mental health, combating cyberbullying,

and championing food security and safety by addressing the impact of policies like the SST on our profession and the livestock sector,” he said.

The newly elected Mavma leadership for the 2025-2027 term is as follows:

Past President: Dr Helen Mitin (Department of Veterinary Services [DVS])

President: Dr Chee Liung Wun (Industry)

Vice President: Dr Mohd Noor Hisham Mohd Noor (DVS)

Hon Secretary: Assoc Prof Dr Rozaihan Mansor (Universiti Putra Malaysia [UPM])

Hon Treasurer: Dr Michelle Fong (UPM)

Asst Hon Secretary: Dr Puteri Azaziah (UPM) and Dr Rachel Fong (Industry)

Asst Hon Treasurer: Dr Ng Heng Yang (Industry)

Editor: Assoc Prof Dr Ooi Peck Toung (UPM)

Exco:

Dr Mohd Hishammfariz Mohd Amin (DVS)

Dr Reuben Sharma (UPM)

Dr Dennis Lim Chang Wai (Industry)

Assoc Prof Dr Mohd Farhan Hanif (Universiti Malaysia Kelantan [UMK])

Dr Nurul Hayah Khairuddin (UPM)

Dr Wilmot Sasindran Dass (Industry). -[CODEBLUE](#)

Vaksin Rabies Percuma ditawarkan di Lawas Selama Dua Bulan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
TVS	News	Online	30 Sept



Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak akan melaksana Program Vaksinasi Anti-Rabies Percuma Untuk Anjing di daerah Lawas sepanjang bulan Oktober dan November ini. Foto hiasan Envato

LAWAS, 30 Sept: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak akan melaksana Program Vaksinasi Anti-Rabies Percuma Untuk Anjing di daerah Lawas sepanjang bulan Oktober dan November depan.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak dalam satu kenyataan berkata sudah tiba masanya haiwan peliharaan iaitu anjing dilindungi sepenuhnya melalui program ini yang turun padang secara terus ke kampung-kampung terpilih

di Lawas.

“Program Vaksinasi Anti-Rabies Percuma Untuk Anjing akan diadakan di kawasan Lawas Damit bermula pada 7 hingga 10 Oktober, Long Sukang (13 hingga 15 Oktober), Merapok bermula pada 20 Oktober hingga 23 Oktober, Trusan Lawas (27 hingga 30 Oktober) dan Jalan Trusan Lawas bermula pada 11 hingga 14 November.

“Program diadakan pada waktu operasi harian (9.30

pagi hingga 3 atau 5 petang),"katanya dalam satu kenyataan media hari ini.

Kata kenyataan itu lagi, orang ramai perlu memastikan anjing mereka mesti berumur tiga bulan ke atas, berada dalam keadaan sihat, dan tidak bunting atau menyusui.

"Sila sediakan kad pengenalan pemilik dan kad vaksin anjing yang sedia ada (jika ada), selepas pemvaksinasian, sila kuarantin anjing anda selama 28 hari untuk membina imuniti yang optimum dan pastikan anjing anda tidak berkeliaran di tempat awam pada setiap masa," katanya. -

TVS

Pemandu Lori Mengaku Salah Pindah Lebih 300 Kambing, Biri-biri Tanpa Kebenaran

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Gazette	Nasional	Online	30 Sept



Seorang pemandu lori mengaku bersalah Mahkamah Majistret Gerik, pada Selasa atas dua pertuduhan memindahkan 322 ekor kambing dan biri-biri tanpa kebenaran, pada Mac dan April lalu. Tertuduh selaku Orang Kena Saman (OKS), Muhammad Aizal Afizi Ishak, 28, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Muhammad Firdaus Nor Azlan. Foto ABDULLAH YUSOF, 30 SEPTEMBER 2025.

GERIK – Seorang pemandu lori mengaku bersalah di Mahkamah Majistret Gerik, pada Selasa atas dua pertuduhan memindahkan 322 ekor kambing dan biri-biri tanpa kebenaran, di Hulu Perak, pada Mac dan April lalu.

Tertuduh, Muhammad Aizal Afizi Ishak, 28, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Muhammad Firdaus Nor Azlan.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa memindahkan 139 ekor kambing dan 23 biri-biri menggunakan lori jenis Isuzu tanpa kebenaran bertulis daripada Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya.

Kesalahan itu dilakukan di Kilometer 44, Jalan Gerik – Lenggong, kawasan menurun Bukit Sumpitan, Lenggong, dalam daerah Hulu Perak pukul 2.15 pagi, 26 Mac 2025.

Sementara bagi pertuduhan kedua, dia dituduh memindahkan 160 ekor kambing menggunakan kenderaan sama, juga tanpa kebenaran bertulis daripada Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya.

Perkara itu dilakukan di Jalan Gerik – Lenggong, hadapan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gerik, dalam daerah Hulu Perak pukul 12.05 pagi, 10 April 2025.

Bagi kedua-dua kesalahan itu, tertuduh didakwa di bawah Perenggan 3(a) Perintah Menteri Besar bagi Perintah Kawasan Kawalan Penyakit Kuku dan Mulut bagi Negeri Perak 2008 yang dibaca bersama Subseksyen 36(1) Akta Binatang 1953 (Akta 647),

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dihukum di bawah Seksyen 36(7) Akta Binatang (pindaan) 2013 (Akta A1452) yang membawa hukuman denda maksimum RM15,000.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Jabatan Veterinar negeri, Roziman Awang Tahrin sementara tertuduh diwakili peguam, Muhammad Zaem Ab Aziz.-

[MALAYSIAGAZETTE](#)

Pemandu Lori Mengaku Salah Bawa Ratusan Kambing, Biri-biri Tanpa Kebenaran

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Artikel	Online	30 Sept



Tangkap layar dari Sinar Harian

Pemandu lori mengaku salah bawa ratusan kambing, biri-biri tanpa kebenaran

Seorang pemandu lori mengaku bersalah di Mahkamah Majistret Gerik pada Selasa atas dua pertuduhan memindahkan 322 ekor kambing dan biri-biri tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Perak sejak Mac lalu, lapor wartawan Sinar Harian, Normawati Adnan.

Tertuduh, Muhammad Aizal Afizi Ishak, 28, membuat

pengakuan itu selepas kedua-dua pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Majistret Muhammad Firdaus Nor Azlan.-[SINARHARIAN](#)

NGO Demands Firm Action Against Man Who Allegedly Beat His Mother's Dog To Death

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Says	News	Online	30 Sept



Cover image via Persatuan Haiwan Terbiar Malaysia (Facebook)

An animal welfare group has called on the authorities to take firm action against a man who had allegedly beaten a dog to death with a metal rod in Ipoh, Perak.

The clip shows a young man struggling with an older woman while chasing and striking a white dog, before cutting to the bloodied animal lying on a veterinary table as the woman weeps beside it.

SAFM said the pet dog was allegedly beaten to death by the owner's own son. In the video, the suspect's mother

can be seen attempting to stop the attack, but he continues chasing the animal.

The incident reportedly took place on 19 September in Taman Arkid, Ipoh. According to The Star, the police have since arrested the 23-year-old suspect.

Ipoh police chief ACP Abang Zainal Abidin Abang Ahmad confirmed that a report was lodged at the Menglembu police station the same day.

"The case is being investigated under Section

506 of the Penal Code and Section 29(1)(A) of the Animal Welfare Act 2015, involving criminal intimidation among family members and the killing of a dog by the suspect.

"The suspect has been arrested and is currently on police bail pending completion of the investigation," he said in a statement on Monday, 29 September, adding that police will work with relevant agencies to handle the matter.

He also urged the public not to further circulate the video to avoid causing distress.

Meanwhile, SAFM has urged the Perak Department of Veterinary Services (DVS) to take immediate action under Section 30 of the Animal Welfare Act 2015

The section specifically prohibits acts of cruelty resulting in suffering or death.

The group noted that the suspect has been released on police bail and stressed that DVS has independent enforcement powers from the police.

"Firm and transparent enforcement is crucial to ensure justice, uphold animal welfare, and prevent future acts of cruelty," it said.-SAYS

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR